

19 MAR 1999

Nik Aziz-Fitnah

BUKAN KERJA PAS UNTUK TIMBULKAN ANCAMAN, KATA NIK AZIZ

PASIR MAS, 19 Mac (Bernama) -- Pas tidak perlu sama sekali untuk melakukan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab yang boleh mengancam keselamatan negara semata-mata untuk berhadapan dengan Umno, kata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Katanya itu bukan kerja Pas untuk membuat dan mengedarkan pita rakaman yang kononnya mengarahkan supaya pemimpin-pemimpin Umno termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dibunuh.

"Pas tidak perlu buat kaset seumpama itu kerana Pas sendiri mempunyai hujah yang cukup kuat untuk berhadapan dengan lawannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kem motivasi Pemuda Pas Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kawasan Tendong di sini, hari ini.

Semalam, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paduka Ibrahim Ali menunjukkan pita rakaman yang mengandungi arahan pihak-pihak tertentu agar Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Umno dibunuh.

Ibrahim menjelaskan bahawa pita rakaman itu telah diedar di sebuah sekolah di Kelantan, turut mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan ada suara dua orang yang tidak dikenali.

Nik Aziz yang juga Mursyid Am Pas berkata pita rakaman sebagaimana yang diperolehi oleh Ibrahim itu boleh dibuat oleh sesiapa sahaja yang tidak bertanggungjawab berikutan kecanggihan teknologi masa kini.

"Sebab itu pita rakaman ini bukan dikira sebagai satu hujah dalam mahkamah sebagaimana yang berlaku dalam perbicaraan kes bekas timbalan perdana menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), kerana kaset ini orang boleh buat," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Pas Kelantan Husam Musa berkata rakyat Malaysia yang dikenali sebagai masyarakat penyayang tidak mungkin melakukan sesuatu perkara yang boleh mengancam kesejahteraan dan keselamatan negara.

Katanya, rakyat kini telah pandai menilai sesuatu perkara dan tidak mungkin bertindak secara melulu dan jauh sekali terpengaruh dengan arahan membunuh Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Umno sebagaimana yang terdapat dalam pita rakaman yang ditunjukkan oleh Ibrahim semalam.

"Rakyat telah tahu negara ini mempunyai undang-undang dan polis yang cekap, tak mungkin mereka mahu dihukum mati," tambahnya bahawa ancaman itu tidak akan berlaku kerana rakyat sayangkan Perdana Menteri.

Di Kota Bharu, Nik Aziz ketika menyampaikan kuliah agama mingguan, turut melahirkan rasa kesalnya dengan laporan akhbar yang tidak melaporkan kenyataannya dengan tepat berhubung wanita berkerja.

Katanya, berikutan laporan yang kurang tepat itu pihak-pihak tertentu telag mengambil kesempatan untuk "menyerangnya" secara bersungguh-sungguh.

Sehubungan itu, beliau menjelaskan bahawa wanita yang hanya bekerja untuk seronok-seronok sedangkan pendapatan suaminya lumayan tidak perlu bekerja dan sebaliknya memberi tumpuan sepenuhnya menjaga anak-anak yang terbiar ekoran kurang perhatian.

--BERNAMA

WM/BD WAT